



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Aras 2 Blok K, Pusat Bandar Damansara, 50782 Kuala Lumpur
Tel: 03-20944702; Fax: 03-20956523; Emel: pro@kpkt.gov.my.

(65)KPKT/BPK/19/3/6 Klt. 36

9 September 2009

Pengarang
New Straits Times

Tuan/Puan,

Akhbar : **New Straits Times**
Tarikh : **25 Ogos 2009**
Muka surat : **18**
Tajuk : **Items Too Big For Garbage Man**

Saya ingin merujuk kepada surat pembaca akhbar New Straits Times bertajuk "**Items Too Big For Garbage Man**", Pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengucapkan terima kasih kepada pengirim, En. Ahmad Al-Hadi atas pandangan dan pertanyaan yang dikemukakan.

Untuk pengetahuan pihak tuan, KPKT khususnya Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) telah meneliti laporan akhbar tersebut dan telah mendapatkan maklum balas daripada Alam Flora Sdn Bhd mengenai persoalan yang ditimbulkan oleh pengirim. Alam Flora Sdn Bhd sememangnya ada menyediakan perkhidmatan mengutip sisa pukal (*bulky waste*) di kawasan Kajang yang dijadualkan sekali dalam sebulan iaitu pada hari

Sabtu minggu ketiga setiap bulan. Sehubungan itu, Alam Flora Sdn Bhd sedang mengedarkan risalah-risalah berkenaan jadual kerja mereka dan akan meletakkan notis pemberitahuan di setiap taman perumahan bagi memaklumkan kepada penduduk mengenai jadual kerja-kerja kutipan dan pembersihan. Usaha ini merupakan salah satu khidmat sosial korporat yang dilakukan oleh Alam Flora Sdn Bhd kepada masyarakat setempat.

**Dikeluarkan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan**